

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 September 2015

Najib mulakan lawatan kerja di New York

UM - 24/9/2015



Baharom Mahusin

Melaporkan dari NEW YORK

NEW YORK 24 SEPT.

DATUK Seri Najib Tun Razak tiba di New York, Amerika Syarikat (AS) lewat petang semalam untuk memulakan lawatan kerja selama lapan hari ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sempena Perhimpunan Agung PBB yang dijangka membincangkan dan memperakukan agenda baharu global ketika badan dunia itu menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-70.

Perdana Menteri menyertai lebih daripada 170 orang ketua negara dan kerajaan negara-negara dunia yang bakal berada di kota New York ini bagi memperkuatkan PBB serta membincangkan isu-isu antarabangsa dan cabaran sejagat menjelang genap tujuh dekad penubuhan PBB pada 24 Oktober ini.

PBB ditubuhkan selepas kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua pada 24 Oktober 1945, dengan Malaysia menyertai pertubuhan multilateral itu secara rasmi pada 17 September 1957, kira-kira 17 hari selepas ia mencapai kemerdekaan daripada British pada tahun tersebut.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri Malaysia itu dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor mendarat pada pukul 6.30 petang (6.30 pagi Khamis waktu Malaysia) di Lapangan Terbang Westchester County di sini.

Beliau yang sebelum itu singgah di London, United Kingdom untuk lawatan kerja sehari bagi menghadiri perasmian projek bangunan PNB House milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) disambut di hotel penginapannya di Hotel Mandarin Oriental di sini oleh Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Awang Adek Hussin; Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Ramlan Ibrahim serta para pegawai Malaysia.

Antara para pemimpin dunia yang dijangka hadir sama pada Perhimpunan Agung PBB yang bermula minggu ini ialah Presiden



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan sumbangan kepada Pengarah Pusat Kebudayaan Islam New York, Abdul Razaq E. Al Amiri (kiri) di New York, Amerika Syarikat, semalam. Terdahulu, Perdana Menteri turut menunaikan solat Aidiladha bersama masyarakat Islam di pusat berkenaan. - BERNAMA

AS, Barack Obama; Presiden Rusia, Vladimir Putin; Presiden China, Xi Jinping selain ketua-ketua kerajaan dari banyak negara yang membawa harapan tinggi untuk menjayakan usaha-usaha diplomatik, agenda pembangunan dan kemanusiaan global selain terus mencari penyelesaian kepada konflik, pertikaian dan huru-hara dalam detik-detik berseraja PBB sejak penubuhannya.

Dalam satu kenyataan menjelang Perhimpunan Agung PBB kali ini, Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon berkata: "Sesi Perhimpunan Agung PBB tahun ini dibuka pada saat-saat huru-hara dan harapan... Huru-hara, kerana konflik semakin parah di banyak tempat, dan orang awam menjadi mangsanya. Harapan, kerana bilangan pemimpin dunia yang hadir begitu ramai di PBB di sini untuk mara dengan penyelesaian dan menerima agenda

pembangunan baharu dunia yang dicita-citakan."

Najib dijadualkan turut berucap dalam beberapa sesi PBB termasuk pada Perhimpunan Agung ke-70, mengambil bahagian dalam mesyuarat sidang kemuncak Agenda Pembangunan Pasca 2015 dan mengadakan pertemuan bilateral dengan para pemimpin antarabangsa.

Presiden AS, Obama akan turut berucap pada sidang kemun-

Sesi Perhimpunan Agung PBB tahun ini dibuka pada saat-saat huru-hara dan harapan... Huru-hara, kerana konflik semakin parah di banyak tempat, dan orang awam menjadi mangsanya. Harapan, kerana bilangan pemimpin dunia yang hadir begitu ramai di PBB di sini untuk mara dengan penyelesaian dan menerima agenda pembangunan baharu dunia yang dicita-citakan."

BAN KI-MOON Setiausaha Agung PBB

cak Agenda Pembangunan Pasca 2015, suatu inisiatif PBB yang menetapkan langkah-langkah khusus ke arah mencapai sasaran matlamat pembangunan global membabitkan proses rundingan dengan 193 negara-negara anggota PBB.

Pada perhimpunan PBB tahun 2010, Najib memperkatakan tentang pentingnya Gerakan Kesederhanaan Global dimulakan untuk menyelamatkan dunia daripada terjerumus ke dalam situasi putus asa dan kerosakan.

Tiga tahun kemudian pada 2013 dalam ucapannya di pentas PBB, Najib menyentuh tentang bahaya perubahan dalaman dan pertembungan antara mazhab di negara-negara Islam dalam mencorakkan kebangkitan Arab Spring yang kesannya amat besar kepada keselamatan serantau.

Pada tahun lalu Perdana Menteri secara terang-terangan di PBB menyeru umat Islam supaya menolak pertubuhan penganas Islamic State yang bergerak di Syria dan Iraq. Katanya, dengan kekejamannya kumpulan penganas tersebut menghinai prinsip-prinsip murni Islam. - UTUSAN

mencetuskan isu kemanusiaan dan keselamatan global, terutama lambakan kira-kira 60 juta pelarian di seluruh pelosok dunia, dengan Syria dan Yemen menjadi antara negara terbaru yang terpalit dalam masalah tersebut.

Diplomat-diplomat Malaysia percaya kehadiran Najib dalam beberapa mesyuarat peringkat tinggi PBB dalam tempoh seminggu ini di New York akan memberi arah tuju signifikan kepada bentuk pandangan yang bakal diutarakan olehnya ketika beliau berucap pada Perhimpunan Agung di ibu pejabat PBB pada hari Khamis, 1 Oktober ini.

Tambahan pula, di bawah pentadbiran Najib, Malaysia kini memainkan peranan yang lebih mendalam dan berpengaruh dalam badan dunia itu selaku anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB, iaitu kerusi yang akan dipegangnya sehingga akhir tahun 2016.

Majlis Keselamatan PBB mempunyai 15 anggota terdiri daripada lima anggota tetap dengan kuasa veto (AS, Rusia, China, United Kingdom dan Perancis) dan 10 anggota tidak tetap yang dipilih melalui pengundian.

Selain Malaysia, antara negara anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB ialah Angola, Chad, Chile, Jordan, Lithuania, New Zealand, Nigeria, Sepanyol dan Venezuela.

Ketika berucap pada Perhimpunan Agung PBB tahun 2010, Najib memperkatakan tentang pentingnya Gerakan Kesederhanaan Global dimulakan untuk menyelamatkan dunia daripada terjerumus ke dalam situasi putus asa dan kerosakan.

Tiga tahun kemudian pada 2013 dalam ucapannya di pentas PBB, Najib menyentuh tentang bahaya perubahan dalaman dan pertembungan antara mazhab di negara-negara Islam dalam mencorakkan kebangkitan Arab Spring yang kesannya amat besar kepada keselamatan serantau.

Pada tahun lalu Perdana Menteri secara terang-terangan di PBB menyeru umat Islam supaya menolak pertubuhan penganas Islamic State yang bergerak di Syria dan Iraq. Katanya, dengan kekejamannya kumpulan penganas tersebut menghinai prinsip-prinsip murni Islam. - UTUSAN